



**PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL (IPNCPD)
INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
Tingkat 1, Menara 2
Wisma Mustapha Kamal Neocyber, Cyber 12
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-8324 4400
Fak : 03-8318 7394
Web : <http://www.ipn.gov.my>

Ruj Kami : JANM.IPNCPD.100-3/3/2 Jld.6 (15)
Tarikh : 30 November 2022

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

TAWARAN GERAN PENYELIDIKAN PERAKAUNAN DAN KEWANGAN SEKTOR AWAM TAHUN 2023

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah membuka Tawaran Geran Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam Tahun 2023 mengikut tajuk penyelidikan yang ditawarkan kepada semua ahli akademik dan penyelidik yang berminat.

3. Untuk makluman, inisiatif ini bertujuan menggalakkan pelaksanaan projek penyelidikan pembangunan perakaunan dan kewangan sektor awam dari segi teori, konsep dan amalan serta mendokumentasikan maklumat-maklumat empirikal yang boleh menyumbang kepada pembangunan amalan perakaunan sektor awam.

4. Semua pemohon yang berminat diminta merujuk Garis Panduan Tawaran Geran Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam Tahun 2023 (seperti di **Lampiran A**) untuk panduan lengkap permohonan. Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 Disember 2022. Permohonan yang disenarai pendek akan dihubungi dalam tempoh satu bulan daripada tarikh tutup permohonan.

5. Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan Borang Permohonan Geran Penyelidikan (IPNCPD/RGAF/1/2020) (seperti di **Lampiran B**) dan Kertas Cadangan Penyelidikan yang lengkap ke alamat berikut:

Unit Pembangunan Penyelidikan
Pusat Pembangunan Profesional (IPNCPD)
Institut Perakaunan Negara
Tingkat 1, Menara 2, Wisma Mustapha Kamal
Neocyber, Cyber 12
63000 Cyberjaya
Selangor

(Sesalinan permohonan boleh juga dikemukakan melalui emel research@anm.gov.my)

Excellent Accounting @ Your Service



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : MAS 101246

Ruj. Kami : JANM.IPNC PD.100-3/3/2 Jld.6 (15)

Tarikh : 30 November 2022

6. YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan digalakkan untuk menghadiri sesi taklimat bagi mendapatkan maklumat lanjut seperti berikut:-

Tarikh : 7 Disember 2022 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi
Platform : Google Meet
Pautan : meet.google.com/ayn-ygie-mkz

7. Bersama ini juga disertakan poster hebahan untuk rujukan. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, sila hubungi pegawai kami seperti berikut:

Nor Azeema Omar, 03 - 8324 4406, azeema.omar@anm.gov.my

Suzalina Ibrahim, 03 - 8324 4409, suzalina.ib@anm.gov.my

Talian AM IPNC PD, 03 - 8324 4400, research@anm.gov.my

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. D. JOYCE CHRISTINA DHARMARAJ)

C.A (M), CPA (Aust.), CFEA (UK), ASEAN CPA, FCMA (UK), CGMA, CPA(M)

Institut Perakaunan Negara

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

s.k Akauntan Negara Malaysia

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

Pengarah, Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan

Pengarah, Institut Perakaunan Negara